



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERUNDINGAN KOPERASI KEBANGSAAN (MPKK): KEMUKA EMPAT CADANGAN PERKASA KOPERASI DEPANI KRISIS BEKALAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 23 APRIL – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong hari ini mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan (MPKK) yang telah mengemukakan **empat cadangan utama** bagi memperkasa aktiviti perniagaan gerakan koperasi supaya terus membantu rakyat menghadapi krisis bekalan global susulan konflik Asia Barat.

Mesyuarat MPKK yang berlangsung di Menara Kembar Bank Rakyat ini dihadiri oleh pengurusan tertinggi KUSKOP, ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP serta 36 wakil terdiri daripada 14 Exco Kerajaan Negeri yang memegang portfolio koperasi, 9 wakil gerakan koperasi, 3 wakil akademik dan 2 wakil industri.

Empat cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

(1) Cadangan memperluaskan penggunaan diesel dan petrol bersubsidi kepada koperasi bagi menyokong operasi harian seperti logistik, pengangkutan dan aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar.

Kenderaan milik koperasi yang dicadangkan untuk menerima subsidi termasuk:

- (i) kenderaan utiliti seperti trak pikap bagi logistik dan penghantaran barang;
- (ii) penjana kuasa (genset) untuk operasi di kawasan luar bandar atau tanpa bekalan elektrik stabil; dan
- (iii) bot penumpang bagi pengangkutan air.

Langkah ini akan memanfaatkan lebih 300 kenderaan dimiliki koperasi dan sekali gus membantu mengekalkan harga barangan dan perkhidmatan kepada pengguna. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai badan kawal selia akan memastikan mekanisme pengesahan dan kawalan bagi mengelakkan ketirisan serta penyalahgunaan subsidi.

(2) Perluasan penglibatan CoopMart di seluruh negara sebagai rakan niaga dalam Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi membolehkan rakyat menebus barangan keperluan asas menggunakan kad pengenalan di kedai koperasi. Setakat ini, hampir 240 koperasi telah berdaftar dalam jaringan SARA dan sasaran semasa adalah untuk menambah 500 lagi koperasi ke dalam program ini. Langkah ini bukan sahaja memudahkan rakyat malah membantu meningkatkan jualan koperasi di seluruh negara.

(3) Pelaksanaan program “Business School in School” bagi mendedahkan pelajar sekolah menengah kepada asas perniagaan sejak awal. Sehingga kini, hampir 70% daripada 2,623 CoopMart beroperasi di dalam sekolah. Penglibatan pelajar dalam program ini akan diiktiraf di dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) sebagai markah merit. Pensijilan juga akan dikeluarkan oleh Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

(4) Pelaksanaan inisiatif koperasi sebagai *self collection point* bagi platform e-dagang seperti Shopee. Tahun ini, KUSKOP menyasarkan 100 premis koperasi menyertai inisiatif ini. Setakat ini, 25 premis telah mewujudkan kemudahan ini, manakala 61 lagi dalam proses saringan Shopee. Inisiatif ini membolehkan koperasi menjana pendapatan tambahan melalui kutipan bungkusan, meningkatkan trafik pelanggan serta merancakkan jualan runcit tanpa kos permulaan.

Dalam majlis yang sama, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) turut **memeterai tiga Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama Smart Stream Resources Sdn Bhd (SMART), Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BHPetrol) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memperkukuh peranan koperasi dalam sektor tenaga dan sawit.

Melalui kerjasama ini, koperasi akan diberi peluang menceburi perniagaan stesen minyak serta mengendalikan stesen minyak mini di luar bandar dengan sokongan latihan, bimbingan dan bekalan bahan api. Dalam sektor sawit, koperasi pekebun kecil akan diperkasa melalui jualan secara berkelompok, peningkatan harga hasil serta peluang aktiviti hiliran. Tiga MoU ini dijangka membantu meningkatkan pendapatan koperasi dan membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada anggota.

Selain itu, SKM turut memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama INCEIF University dan ISRA Institute bagi membangunkan kerangka koperasi patuh Skim Koperasi Patuh Syariah atau i-CORES (Islamic Cooperative Resilient & Ethical Scheme) dengan Dana Penyelidikan dan Inovasi Ekonomi Islam (IERIF). Melalui penyelidikan bersama dan kerjasama ini, tadbir urus koperasi akan diperkukuh selari dengan agenda Ekonomi MADANI.

Sehingga 31 Disember 2025, terdapat sebanyak 16,468 koperasi berdaftar di Malaysia dengan keanggotaan seramai 7.3 juta orang. Gerakan koperasi mencatatkan jumlah aset sebanyak RM186.7 bilion dan perolehan sebanyak RM81.63 bilion sekali gus menunjukkan peranan besar koperasi dalam ekonomi negara.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

23 APRIL 2026